

TRANSAKSI KAD
DAN ANDA

Kad Kredit

Program pendidikan pengguna oleh:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

- 1 Pengenalan
- 2 Apakah yang dimaksudkan dengan kad kredit dan bagaimana pula tataranya?
- 3 Memohon kad kredit
Kaedah memohon
- 4 Syarat-syarat pemegangan kad
- 5 Memahami caj-caj yang berkaitan dengan kad kredit
- 7 Tip-tip dalam memilih kad kredit
- 9 Tip-tip untuk mengurangkan caj
- 10 Bagaimana untuk mengelak daripada menjadi peminjam
- 12 Bagaimana untuk mencegah fraud kad kredit
- 14 Soalan yang sering ditanya
- 20 Glosari

Penafian

Dokumen ini diterbitkan untuk maklumat am anda sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau maklumat lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai alternatif kepada nasihat guaman.

Tarikh: 21 Januari 2003



Kad kredit menawarkan
kefleksibelan
dan keselesaan

Pengenalan

Kad kredit ialah instrumen pembayaran yang menyenangkan kerana ia boleh digunakan bila-bila masa sahaja untuk membuat pembelian di kedai saudagar. Walau bagaimanapun, jika anda tidak menggunakannya secara berhemat atau gagal membuat bayaran bulanan, anda mungkin telah berbelanja di luar kemampuan anda dan terjerumus ke kancuh kemelut kewangan.

Buku kecil ini menyediakan panduan untuk anda memilih kad kredit yang menepati keperluan anda dan bagaimana untuk anda menggunakan kad kredit anda secara efektif dan bijak.



APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN KAD KREDIT DAN BAGAIMANA PULA TATACARANYA?

Kad kredit merupakan satu instrumen pembayaran yang membolehkan anda memperoleh barangan dan perkhidmatan tanpa melibatkan wang tunai. Anda boleh menggunakannya di mana-mana kedai saudagar yang mempamerkan jenama kad kredit anda, baik di dalam mahupun di luar negara.

Apabila anda menggunakan kad kredit, pengeluar kad kredit akan membuat pembayaran kepada saudagar terlebih dahulu bagi pihak anda dan menghantar bil kepada anda kemudian nanti. Sebaik sahaja menerima penyata bulanan, anda dikehendaki menjelaskan sekurang-kurangnya amaun pembayaran minimum sebelum tarikh tamat tempoh. Pengeluar kad kredit akan memberikan suatu tempoh tanpa faedah (biasanya 20 hari) di mana tiada faedah dikenakan ke atas baki belum jelas. Pengeluar kad kredit akan hanya

mengenakan caj kewangan (faedah) ke atas baki belum jelas, jika ada, selepas tarikh tamat tempoh.

Kad kredit juga boleh digunakan untuk mendapatkan pendahuluan wang tunai di mesin-mesin ATM ('Automated Teller Machine') dan di kaunter-kaunter pengeluaran kad kredit. Walau bagaimanapun, selain daripada dikenakan caj kewangan, anda akan dikenakan yuran pendahuluan wang tunai setiap kali anda berbuat demikian. Tidak ada tempoh tanpa faedah diberikan bagi pendahuluan wang tunai. Caj kewangan akan dikira bermula dari tarikh pengambilan pendahuluan wang tunai berkenaan dibuat.

Pengeluar kad kredit akan menghantar kepada anda penyata bulanan kad kredit yang mencatatkan butir-butir pembelian anda termasuk pendahuluan wang tunai (jika ada), jumlah baki belum jelas, jumlah bayaran minimum dan tarikh akhir untuk membuat pembayaran.

MEMOHON KAD KREDIT

Anda boleh memohon kad kredit daripada institusi-institusi yang mengeluarkan kad kredit asalkan anda berusia 21 tahun ke atas, berpendapatan minimum RM18,000 setahun dan memenuhi sebarang syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh pengeluar kad kredit tersebut. Bagi menyokong permohonan anda, dokumen-dokumen berikut mungkin perlu dikemukakan:

- Salinan kad pengenalan
- Surat perantikan jawatan
- Penyata cukai pendapatan terkini (Borang J)
- Penyata bank
- Slip gaji untuk bulan-bulan terdahulu

Jika anda bekerja sendiri, anda mungkin dikehendaki untuk mengemukakan butir-butir pendaftaran perniagaan dan dokumen-dokumen lain sebagai bukti pendapatan. Anda juga mungkin akan dikenakan syarat-syarat lain, seperti membuat pelaburan dalam deposit tetap.



KAEDAH MEMOHON

Memohon kad kredit tidak ada bezanya dengan permohonan pinjaman. Pengeluar kad kredit perlu membuat penilaian kredit ke atas anda berdasarkan maklumat yang telah anda berikan. Masa yang diambil untuk memproses permohonan anda bergantung kepada prosedur dalaman pengeluar kad kredit berkenaan.

Baca dan fahami syarat-syarat penggunaan kad kredit

Setelah permohonan diproses, anda akan dimaklumkan sama ada permohonan anda berjaya atau ditolak. Jika berjaya, kad kredit akan dihantar kepada anda melalui surat berdaftar atau anda diminta datang sendiri untuk mengambil kad kredit tersebut di ibu pejabat atau di cawangan pengeluar kad kredit tersebut. Anda juga akan diberikan Nombor Pengenalan Peribadi (nombor PIN) yang, atas sebab keselamatan, akan dihantar secara berasingan daripada kad kredit anda. Anda perlukan nombor PIN ini untuk memperoleh pendahuluan wang tunai dengan menggunakan kad kredit di mesin ATM.

SYARAT-SYARAT PEMEGANGAN KAD

Pengeluar kad kredit biasanya akan menyerahkan satu dokumen yang mengandungi syarat-syarat pemegangan kad kredit bersama-sama dengan kad kredit anda. Anda dianggap telah menerima syarat-syarat pemegangan kad yang terkandung di dalam dokumen ini sebaik

sahaja anda mula menggunakan kad kredit atau setelah menandatangani dokumen penerimaan kad kredit. Oleh itu, anda perlu membaca dan memahami syarat-syarat pemegangan kad tersebut sebelum memeterai apa-apa perjanjian berkenaan dan menggunakan kad kredit anda kerana anda dan pengeluar kad kredit akan tertakluk kepada segala syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen tersebut.

Pada amnya, syarat-syarat pemegangan kad meliputi perkara-perkara berikut:

- Jenis-jenis caj yang dikenakan
- Hak-hak dan tanggungjawab pemegang kad dan pengeluar kad kreditnya
- Perihal penggunaan kad kredit
- Syarat-syarat pembayaran balik
- Liabiliti bagi urus niaga tanpa kebenaran
- Prosedur untuk membuat aduan, penyiasatan dan penyelesaiannya
- Kerahsiaan maklumat
- Lain-lain

Segeralah dapatkan khidmat nasihat daripada pengeluar kad kredit anda jika anda memerlukan penjelasan lanjut mengenai syarat-syarat pemegangan kad. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan syarat-syarat pemegangan kad yang dinyatakan, anda ada pilihan untuk membatalkan sahaja kad kredit tersebut dengan memaklumkan pengeluar kad kredit dan memulangkannya kepada pengeluar kad kredit tersebut dengan serta-merta.

MEMAHAMI CAJ-CAJ YANG BERKAITAN DENGAN KAD KREDIT

Memahami jenis-jenis caj yang terlibat dalam penggunaan kad kredit adalah penting. Selagi anda menggunakan kad kredit secara berhemat dan menjelaskan bayaran dalam tempoh yang diberikan, anda tidak perlu risau dengan caj-caj tambahan.



Bil anda perlu
dibayar
dalam
tempoh
yang
ditetapkan
bagi mengelakkan
bil dan hutang
bertambah

Berikut adalah caj-caj yang lazim dikenakan ke atas anda:

- Yuran penyertaan

Pengeluar kad kredit mungkin akan mengenakan yuran penyertaan kad kredit. Bayaran ini dikenakan sekali sahaja. Yuran ini mungkin berbeza antara satu institusi pengeluar kad kredit dengan yang lain.

- Yuran tahunan

Ini adalah yuran sama rata yang perlu dibayar setahun sekali. Anda dikehendaki membayar yuran tersebut walaupun anda tidak pernah menggunakan kad kredit anda. Yuran tahunan biasanya adalah di dalam lingkungan RM60 hingga RM90 untuk kad klasik dan RM130 hingga RM195 untuk kad emas.

- Caj kewangan (faedah)

Ini adalah caj yang dikenakan kepada anda oleh pengeluar kad kredit ke atas baki yang tidak dijelaskan selepas tarikh tamat tempoh. Caj ini biasanya dikira berdasarkan baki harian. Anda dinasihatkan supaya meminta pengeluaran kad kredit anda

memberi penjelasan mengenai kaedah yang digunakan untuk mengira caj kewangan ini kerana jumlahnya akan bertambah sekiranya anda tidak membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan.

- Yuran pendahuluan wang tunai

Ini adalah yuran yang dikenakan bagi setiap kali pendahuluan wang tunai diperoleh. Yuran ini biasanya 3% hingga 5% daripada jumlah pendahuluan wang tunai yang diambil dan merupakan tambahan kepada caj kewangan yang dikenakan ke atas jumlah pendahuluan yang diberikan kepada anda. Caj kewangan dikira bermula daripada tarikh wang tersebut diambil atau apabila jumlah tersebut tercatat ke dalam akaun kad kredit anda. Jumlah pendahuluan wang tunai ini mungkin dihadkan untuk setiap pelanggan.

- Caj bayaran lewat

Ini adalah caj yang dikenakan jika anda gagal untuk menjelaskan sekurang-kurangnya jumlah bulanan minimum

sebelum tarikh yang ditetapkan. Jika pembayaran dibuat selepas tempoh tanpa faedah berakhir, anda bukan sahaja dikenakan caj kewangan ke atas baki belum jelas tetapi juga caj bayar lewat ke atas jumlah bayaran minimum bulanan.

TIP-TIP DALAM MEMILIH KAD KREDIT

Dengan pelbagai kad kredit yang ditawarkan di pasaran, adalah penting untuk anda memilih kad kredit yang menepati keperluan anda. Berikut adalah beberapa tip dalam memilih kad kredit atau menilai kad kredit yang ada pada anda:

- Hadiah promosi

Pengeluar kad kredit mungkin menawarkan anda hadiah promosi seperti telefon bimbit, dompet kulit dan sebagainya untuk mempromosikan kad kredit mereka. Walau bagaimanapun, sebelum memohon, adalah penting untuk anda memahami syarat-syarat yang terkandung di dalam tawaran tersebut. Telitilah syarat-syarat yang ditetapkan untuk hadiah promosi dan denda yang akan dikenakan jika syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi.



- Kadar caj rendah sementara

Untuk menarik perhatian anda, pengeluar kad kredit mungkin mengenakan yuran dan caj kewangan pada kadar rendah atau memansuhkan caj-caj tersebut sama sekali untuk sesuatu tempoh masa yang tertentu. Risalah promosi mungkin menitikberatkan kadar faedah permulaan yang rendah dengan saiz fon yang besar dan mudah dibaca, kadang-kadang tanpa mempamerkan tarikh luput. Kadar faedah selepas tamat tempoh promosi pula tidak dinyatakan dengan begitu jelas, iaitu dengan menggunakan saiz fon yang kecil dan mungkin hanya tercatat di sebelah belakang borang permohonan atau di muka surat terakhir risalah promosi yang mengandungi banyak muka surat.

Anda perlu memahami syarat-syarat promosi dan menyedari bila tempoh promosi akan tamat kerana anda mungkin dikenakan caj seperti biasa atau pada kadar yang jauh lebih tinggi setelah tempoh tersebut berakhir.

- Caj kewangan, yuran dan tempoh tanpa faedah

Sebahagian besar keuntungan perniagaan kad kredit adalah berpunca daripada caj kewangan. Anda akan dikenakan caj kewangan jika anda tidak membayar sepenuhnya baki belum jelas selepas tamat tempoh masa tanpa faedah berakhir. Walau bagaimanapun, bagi pendahuluan wang tunai dan pemindahan baki, anda mungkin dikenakan yuran dan caj kewangan bermula dari tarikh urus niaga tersebut dibuat. Halakan tumpuan anda kepada yuran pendahuluan wang tunai dan pemindahan baki, caj kewangan dan tempoh tanpa faedah yang ditawarkan oleh pengeluar kad kredit tersebut.

a. Tempoh tanpa faedah

Pengeluar kad kredit menawarkan tempoh tanpa faedah, yang biasanya 20 hari, dari tarikh urus niaga mula direkodkan atau tarikh penyata sehingga tamat tempoh berakhir, kecuali dalam transaksi pendahuluan wang tunai dan pemindahan baki. Oleh itu, pilihlah kad kredit yang menawarkan tempoh tanpa faedah yang lebih panjang.



b. Caj untuk pendahuluan wang tunai / pemindahan baki

Kebanyakan pengeluar kad kredit mengenakan yuran di samping caj kewangan apabila anda menggunakan kad kredit untuk mendapatkan pendahuluan wang tunai atau pemindahan baki. Yuran bagi pendahuluan wang tunai mungkin dalam lingkungan 3% hingga 5% daripada jumlah pendahuluan wang tunai. Oleh itu, pilihlah kad kredit yang mengenakan yuran yang rendah bagi pendahuluan wang tunai dan pemindahan baki.

TIP-TIP UNTUK MENGURANGKAN CAJ

Anda boleh mengelak daripada dikenakan beberapa jenis caj tetapi masih boleh mengecapi manfaat yang diperolehi daripada penggunaan kad kredit. Berikut adalah beberapa tip untuk merealisasikannya:

- Pilih tawaran yang terbaik. Ada pengeluar kad kredit yang tidak mengenakan sebarang yuran tahunan dan yuran penyertaan, sekurang-kurangnya untuk tahun pertama
- Gunakan kad ATM anda untuk membuat pengeluaran tunai. Pendahuluan wang tunai melalui kad kredit harus dilakukan sebagai pilihan terakhir. Caj dan yuran bagi pendahuluan wang tunai adalah tinggi
- Elakkan daripada dikenakan kos kad kredit yang tidak sewajarnya. Buatlah pembayaran sebelum tarikh yang ditetapkan seperti yang tercatat pada penyata kad kredit. Pastikan alamat anda yang disimpan oleh pengeluar kad kredit adalah tepat agar penyata bulanan diterima dengan secepat mungkin
- Pembayaran bulanan yang dibuat pada tahap minimum akan melengahkan tempoh pembayaran balik dan meningkatkan jumlah faedah yang harus anda bayar. Langsaikan baki belum jelas anda supaya faedah tidak akan dikenakan
- Hadkan jumlah kad kredit yang dipegang berasaskan keperluan dan kemampuan pembayaran anda



- Berwaspada terhadap sebarang perubahan pada dasar dan kadar faedah. Sebagai contoh, pengeluar kad kredit anda mungkin akan menaikkan yuran atau menukar syarat-syarat pemegang kad kredit

BAGAIMANA UNTUK MENGELAK DARIPADA MENJADI PEMINJAM

Strategi pemasaran kad kredit adalah semakin agresif dan inovatif untuk menggoda pemegang kad kredit agar tidak membayar baki belum jelas sepenuhnya dan sentiasa meninggalkan baki bulanan. Peminjam atau 'pemusing' ini mungkin beranggapan bahawa ianya lebih bermanfaat dan selesai dengan hanya membayar amaun bulanan minimum sahaja, tetapi hakikatnya adalah sebaliknya.

Anda harus menyedari akibat membuat pembayaran sebelum tarikh tamat tempoh berakhir setiap bulan mengikut amaun minimum. Anda bukan sahaja dikenakan caj faedah yang bertambah bahkan

tempoh pembayaran balik turut bertambah. Ramai yang tidak menyedari kesan menambah baki bulanan kad kredit sehingga mereka menghadapi bebanan hutang yang banyak.

Di bawah ini adalah jadual yang menghuraikan tempoh pembayaran balik dan jumlah faedah yang dikenakan jika anda hanya membayar amaun minimum setiap bulan, iaitu 5% daripada baki belum jelas. Sebagai contoh, jika baki belum jelas anda ialah RM1,000 dan anda hanya menjelaskan bayaran bulanan minimum, anda akan mengambil masa selama 5.8 tahun untuk menjelaskan kesemua hutang anda, di mana jumlah faedah yang dikenakan adalah RM382, berdasarkan kadar faedah sebanyak 18% setahun.

BAKI BELUM JELAS

RM500		RM1,000		RM5,000		RM10,000	
Tahun	Faedah (RM)	Tahun	Faedah (RM)	Tahun	Faedah (RM)	Tahun	Faedah (RM)
4.2	168	5.8	382	9.6	2,097	11.2	4,240

Ketahuiilah akibat hanya membayar
amaun minimum
sahaja setiap bulan

BAGAIMANA UNTUK MENCEGAH FRAUD KAD KREDIT

Gejala fraud kad kredit adalah satu ancaman kepada pelanggan dalam menggunakan kad kredit. Fraud kad kredit boleh mengakibatkan anda dan pengeluar kad kredit mengalami kerugian besar. Pengeluar kad kredit sentiasa mengambil sikap berwaspada terhadap komplot fraud dan telah mengambil langkah-langkah keselamatan untuk melindungi anda daripada kemungkinan berlakunya fraud sedemikian. Walau bagaimanapun, anda juga harus mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan risiko menjadi mangsa fraud.

- Jaga kad kredit anda
 - Tandatangani kad kredit anda sebaik sahaja ianya diterima
 - Simpan kad kredit anda pada tempat yang sama di dalam dompet atau beg duit supaya, jika ia hilang atau dicuri, anda akan menyedarinya dengan serta-merta
- Usah pinjamkan kad anda kepada sesiapa saja
- Jangan berikan butir-butir kad kredit anda (contohnya nombor kad dan tarikh luput) kepada orang yang tidak dikenali kerana ada kemungkinan maklumat tersebut digunakan untuk membuat pembelian melalui telefon, pos atau Internet
- Hafal nombor PIN anda dan jangan catatkan nombor PIN tersebut di belakang kad, menyimpannya di dalam dompet atau mendedahkannya kepada orang lain
- Simpanlah nombor telefon pengeluar kad kredit anda supaya anda dapat menghubunginya dengan serta-merta untuk melaporkan sebarang kehilangan/kecurian kad, urus niaga tanpa kebenaran atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga
- Pastikan anda telah memotong kad kredit yang telah luput kepada dua bahagian apabila anda menerima kad baru



Jagalah kad dan
semak transaksi
anda sentiasa

- Semak urus niaga kad kredit anda
 - Sila teliti semua butir-butir pada urus niaga sebelum menandatangani atau mengesahkan setiap urus niaga yang dibuat
 - Simpan semua slip urus niaga anda dan bandingkan dengan penyata kad kredit anda sebaik sahaja ianya diterima
 - Beritahu pengeluar kad kredit anda dengan serta-merta jika terdapat sebarang kesilapan atau kemungkinan berlaku urus niaga tanpa kebenaran berhubung dengan kad kredit atau PIN anda dan diikuti oleh laporan bertulis
 - Musnahkan semua slip-slip urus niaga anda sebelum anda membuangnya

SOALAN YANG SERING DITANYA

Apakah jenis-jenis kad kredit yang ada?

Pada amnya, terdapat tiga jenis kad kredit, iaitu Klasik, Emas dan Platinum. Kad-kad kredit tersebut dikeluarkan berdasarkan tahap pendapatan seseorang dan kriteria-kriteria lain yang ditetapkan oleh pihak pengeluar kad kredit.

Apakah kad kredit dwijenama?

Kad kredit dwijenama ialah kad yang dikeluarkan secara bersama oleh pengeluar kad kredit dan saudagar di bawah satu jenama yang terkenal. Peniaga tersebut biasanya menawarkan manfaat tambahan lain kepada pemegang kad, seperti diskaun ke atas barangan tertentu dan mata ganjaran untuk setiap pembelian. Contoh kad kredit dwijenama termasuk Maybank-Sogo Visa dan Public Bank-Esso Visa.

Apakah jenis-jenis kad pembayaran lain yang terdapat di Malaysia?

Selain kad kredit, kad-kad pembayaran lain yang terdapat di Malaysia adalah seperti kad debit, kad caj dan kad simpanan nilai.

Kad debit adalah sejenis kad pembayaran di mana baki di dalam akaun tabungan atau semasa anda akan dikurangkan dengan serta-merta mengikut jumlah urus niaga yang dibuat. Terdapat beberapa jenis kad debit di Malaysia. Sebagai contoh, Maybank Kawanku e-POS. Terdapat juga kad debit antarabangsa seperti VISA Electron dan MasterCard Electronic yang boleh digunakan di kedai saudagar yang mempamerkan logo yang berkaitan.

Kegunaan kad caj adalah sama dengan kad kredit, kecuali anda harus menjelaskan keseluruhan baki belum jelas yang tercatat dalam penyata bulanan anda sebelum tarikh tamat tempoh. American Express dan Diners adalah dua daripada jenama kad caj yang terkemuka di Malaysia.

Kad simpanan nilai ialah sejenis kad bayar dahulu. Kad tersebut telah dimuatkan dengan nilai kewangan terlebih dahulu oleh pengeluar kad. Sesetengah skim kad simpanan nilai mungkin membenarkan pemegang kad untuk memuatkan semula nilai kewangan ke dalam kadnya. Apabila pembelian dibuat, nilai tersebut akan ditolak secara automatik daripada amaun yang tersimpan di dalam kad tersebut.

Adakah sesiapa sahaja boleh memohon kad tambahan?

Pemegang kad utama boleh mencadangkan sesiapa sahaja untuk menjadi pemegang kad tambahannya, bergantung kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh pengeluar kad kredit.

Siapakah yang bertanggungjawab terhadap pembelian yang dibuat melalui kad tambahan?

Pemegang kad utama adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menjelaskan pembelian yang dibuat oleh pemegang kad tambahan selain daripada pembelian melalui kad kredit yang dibuat oleh dirinya sendiri. Walau bagaimanapun, anda perlu memeriksa syarat-syarat yang dikenakan sama ada pemegang kad tambahan turut bertanggungjawab ke atas hutang-hutang kad kredit oleh pemegang kad utama.

Apakah yang dimaksudkan dengan had kredit?

Had kredit adalah jumlah kredit maksimum yang diberikan kepada anda oleh pengeluar kad kredit. Had tersebut ditentukan berdasarkan penilaian terhadap maklumat yang terkandung di dalam borang permohonan. Had kredit mungkin boleh berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada pola perbelanjaan dan kemampuan anda untuk membayar balik. Anda harus mempunyai had kredit yang berpadanan dengan kemampuan anda membayar balik untuk memastikan anda tidak terlalu boros berbelanja tanpa sebab dan untuk mengurangkan liabiliti anda sekiranya berlaku fraud.

Bagaimanakah untuk saya memperoleh pendahuluan wang tunai dengan menggunakan kad kredit?

Anda boleh memperoleh pendahuluan wang tunai di kaunter pengeluaran kad kredit yang terbabit atau melalui mesin-mesin ATM yang mempamerkan logo jenama kad kredit anda. Anda juga perlu mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan.

Kenapakah saudagar perlu mendapatkan keizinan pengeluaran kad kredit sebelum kad kredit saya diterima?

Saudagar perlu mendapatkan keizinan daripada pengeluaran kad kredit anda untuk memastikan jumlah belian tidak melebihi had kredit anda. Urus niaga anda akan ditolak atas sebab-sebab tertentu seperti melebihi had kredit yang dibenarkan. Anda mungkin ingin menghubungi pengeluaran kad kredit jika hal ini terjadi kepada anda.

Apakah langkah-langkah yang perlu saya ambil ketika membuat pembelian?

Jangan sesekali membiarkan kad kredit anda terlepas daripada pandangan anda. Ketika membuat pembayaran di kedai peniaga, hotel atau restoran, pastikan kad kredit anda digunakan ('swipe') di hadapan anda. Maklumat pada kad kredit anda boleh disalin oleh orang lain dengan menggunakan alat tertentu.

Perluah saya membayar kos tambahan kepada saudagar jika saya menggunakan kad kredit untuk membuat pembelian?

Tiada kos tambahan dikenakan jika membeli dengan kad kredit. Sekiranya anda dikenakan caj tambahan oleh saudagar, sila hubungi pengeluar kad kredit anda untuk mendapatkan penjelasan.

Adakah terdapat perbezaan dari segi proses mendapatkan kebenaran, yuran dan caj yang dikenakan apabila saya membuat pembelian menggunakan kad kredit di dalam atau di luar negara? Bagaimanakah kadar pertukaran mata wang ditentukan?

Proses mendapatkan keizinan, yuran dan caj yang dikenakan adalah sama di mana sahaja pembelian dibuat dengan menggunakan kad kredit tanpa mengira di mana anda berada. Walau bagaimanapun, bagi pembelian yang dibuat di luar negara, jumlah transaksi adalah tertakluk kepada kadar pertukaran mata wang yang ditentukan oleh skim pembayaran kad kredit berkenaan seperti Visa dan MasterCard. Pertukaran mata wang dilakukan secara automatik apabila urus niaga dilakukan. Kadar pertukaran mata wang biasanya ditentukan berasaskan titik pertengahan di antara kadar jualan dan belian pertukaran mata wang asing semasa berbanding Ringgit.

Apakah perlu saya buat jika nombor PIN saya sudah diketahui oleh orang lain?

Jika anda percaya nombor PIN anda telah dikompromi, anda hendaklah merujuk kepada pengeluar kad kredit anda.

**Perlukah saya menyemak
penyata kad kredit saya?**

Ya. Jadikan satu amalan biasa untuk sentiasa menyemak penyata kad kredit anda bagi mengesan sebarang percanggahan atau urus niaga tanpa kebenaran. Meluangkan masa beberapa minit untuk meneliti maklumat-maklumat di dalam penyata bulanan kad kredit anda adalah sangat penting dan merupakan cara yang berkesan untuk mengesan penggunaan kad kredit anda tanpa kebenaran.

**Adakah saya bertanggungjawab
ke atas urus niaga tanpa
kebenaran selepas kad kredit saya
didapati hilang ataupun dicuri?**

Anda hendaklah sentiasa mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya untuk mengelakkan kehilangan kad kredit anda. Dengan berbuat demikian, anda tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang urus niaga yang berlaku setelah anda melaporkan kehilangan kad kredit anda kepada pengeluar kad kredit, sama ada secara lisan atau bertulis. Walau bagaimanapun, bagi laporan lisan, sesetengah pengeluar kad kredit mungkin menghendaki anda mengemukakan pengesahan bertulis dan laporan polis kepada mereka. Sebaliknya, jika berlaku sesuatu urus niaga tanpa kebenaran dengan menggunakan kad kredit anda sebelum laporan dibuat, anda mungkin bertanggungjawab sehingga jumlah tertentu, bergantung kepada syarat-syarat pengeluar kad kredit.

Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat kesilapan pada penyata kad kredit saya?

Anda hendaklah memberitahu pengeluar kad kredit anda secepat mungkin jika terdapat sebarang kesilapan pada penyata bulanan kad kredit anda atau kemungkinan berlakunya urus niaga tanpa kebenaran yang melibatkan kad atau nombor PIN anda secara lisan dan kemudian melaporkannya secara bertulis.

Bagi pengeluar kad kredit dari kalangan institusi perbankan, maklumat mengenai pegawai yang boleh anda hubungi atau alamat e-mel boleh diperolehi di laman web Bank Negara Malaysia iaitu www.bnm.gov.my. Di samping itu, bagi urus niaga tanpa kebenaran, jika anda tidak berpuas hati dengan maklum balas institusi perbankan tersebut, bolehlah anda merujuk kepada Biro Pengantaraan Perbankan:

Pengantara
Biro Pengantaraan Perbankan
Tingkat 5
MUI Plaza
Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang prosedur membuat aduan ke atas institusi perbankan, sila rujuk kepada buku kecil 'Membuat Aduan Perihal Perbankan'.

GLOSARI

Kad Kredit Luput

Kad kredit yang di mana tarikh sah laku yang dicetak padanya telah tamat.

Pembekal Rangkaian Kad Kredit

Persatuan kad kredit seperti Visa dan MasterCard yang menyediakan infrastruktur kad kredit bagi kemudahan memperolehi keizinan dan penyelesaian transaksi-transaksi kad kredit.

Pemusing

Pemegang kad yang gemar menjelaskan sekurang-kurangnya amaun bulanan minimum yang dikehendaki oleh pengeluar kad kredit, tanpa menyelesaikan sepenuhnya jumlah baki belum jelas.

Pengeluar Kad Kredit

Organisasi seperti institusi kewangan yang mengeluarkan kad kredit.

PIN

Nombor Pengenalan Peribadi (Personal Identification Number) – Susunan nombor yang digunakan untuk mengesahkan identiti pemegang kad. Ianya samalah seperti kata laluan.

Saudagar

Sebarang perniagaan yang menerima kad kredit sebagai kaedah pembayaran untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan mereka.

Urus Niaga Fraud

Transaksi yang tidak dibenarkan oleh pemegang kad. Transaksi tersebut berlaku disebabkan kad kredit hilang, dicuri, tidak diterima, pengeluaran kad kredit berasaskan permohonan fraud, pemalsuan atau lain-lain bentuk fraud menurut tafsiran pengeluar kad kredit.



UNTUK MAKLUMAT LANJUT

SILA LAYARI

www.bankinginfo.com.my

ATAU LAWATILAH KIOS KAMI DI BANK TERTENTU